

18 OCT 1996

HIV - Marina

PEMBAWA HIV BUKAN PENAGIH SEMAKIN MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Bilangan rakyat Malaysia yang bukan penagih dadah dipercayai dijangkiti human-immuno-deficiency virus (HIV) yang menyebabkan AIDS, kata pengerusi Yayasan AIDS Malaysia Marina Mahathir hari ini.

Beliau berkata stigma YANG mengongkong pesakit AIDS kepada penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan kini telah merebak kepada penduduk secara umum.

Bilangan wanita yang bukan pekerja seks atau penagih dadah yang didapati menghidapi AIDS semakin meningkat, katanya selepas persidangan berita mengenai Anugerah Media Red Ribbon yang akan berlangsung esok.

Katanya, walaupun data rasmi menunjukkan peratusa pembawa HIV yang tidak menagih adalah kecil, tetapi dalam golongan AIDS bukan penagih meliputi kira-kira 25 peratus daripada pesakit AIDS.

Marina berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan Anugerah Media Red Ribbon kepada wartawan, pengiklan dan anggota masyarakat yang memberi sumbangan ke arah mendidik masyarakat mengenai bahaya HIV dan AIDS.

Enam Anugerah Red Ribbon aka disampaikan kepada pemenang wartawan media cetak dalam Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan Cina.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali juga akan menyampaikan "Anugerah Dr Siti Hasmah" kepada individu atau pertubuhan bagi usaha cemerlang.

Marina berkata yayasan itu berharap untuk mengutip lebih RM30,000 hasil lelongan beberapa benda termasuk dua lukisan oleh pelukis tempatan yang terkemuka Latif Moehidin dan Sharifah Fatimah Syed Zubir. -- BERNAMA

YBK FAZ